

29/05/2002

PM bersyukur jemputan Pope tidak dipolitikkan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersyukur kerana pembangkang terutama Pas dan badan bukan kerajaan (NGO) tidak mempolitikkan lawatannya ke Bandaraya Vatican untuk bertemu Pope John Paul II, bulan depan.

Sambil menyatakan beliau antara lain akan membangkitkan isu Palestin, Perdana Menteri berkata, pihaknya juga tidak berniat mempolitikkan pertemuan atas jemputan pemimpin tertinggi Roman Katolik itu.

"Saya bersyukur kerana benda ini tidak dijadikan isu politik. Bukan untuk politik...kita buat kerana menolong orang Palestin dan umat Islam keseluruhannya.

"Tak ada niat politik dalam hal ini. Saya bersyukur kerana ia tidak dijadikan isu politik antara parti," katanya mengulas sambutan positif pelbagai pertubuhan dan parti politik mengenai pertemuan bersejarah itu.

Semalam, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyambut baik pertemuan itu yang diharap dapat memperbetulkan persepsi masyarakat bukan Islam terhadap keindahan Islam.

Menteri Besar Kelantan berkata, perjumpaan itu wajar menjadi landasan antara kedua-dua pemimpin membuat dan menerima teguran, terutama berhubung perkara yang tidak benar mengenai Islam.

Vatican adalah pusat pentadbiran bagi penganut agama Roman Katolik dan Pope dianggap ketua agama kristian dunia.

Pope pernah memasuki sebuah masjid iaitu Masjid Besar Umayyad di Damsyik, Syria pada Mei tahun lalu, menjadikannya pemimpin gereja Kristian pertama dalam sejarah yang melawat dan bersembahyang dalam masjid.

Jemputan Pope kepada Perdana Menteri untuk Vatican adalah atas peribadi Dr Mahathir sebagai pemimpin ulung Islam yang sederhana tetapi mempunyai pengaruh besar di kalangan negara Islam.

Terdahulu, Dr Mahathir melakukan upacara pecah tanah Pusat Komuniti Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Bukit Kiara dekat sini, hari ini.

Pusat komuniti yang terletak di tapak seluas 0.8 hektar itu akan menempatkan satu blok bangunan empat tingkat dan dua blok bangunan dua tingkat. Ia dijangka siap 12 bulan mulai sekarang.

Hadir sama isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali selaku Yang Dipertua Bakti.

Dr Mahathir berkata, jemputan oleh Pope itu sudah lama tapi kerajaan sedang mempertimbangkannya dan akan mendapat pengesahan Kabinet pada mesyuaratnya esok.

"Tujuan saya yang utama ialah berkenaan masalah Palestin, yang bukan saja orang Islam tetapi orang Kristian juga menghadapi masalah sehingga gereja mereka dikepung, mereka tidak dapat jalankan ibadat," katanya.

Hari ini Majlis Perundingan Budha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia (BKHS) menyifatkan pertemuan itu sebagai tepat pada masanya dan satu pengiktirafan terhadap Dr Mahathir sebagai pemimpin sederhana serta paling sesuai untuk merapat dan mempromosikan keharmonian antara agama di seluruh dunia.

Setiausaha Kehormatannya, Thiagaraja Ratnasamy, berkata dengan pengalaman Perdana Menteri mengendalikan keharmonian kaum di Malaysia, beliau seharusnya berupaya mengendurkan syak wasangka serta ketegangan yang wujud selepas tragedi 11 September.

"Dr Mahathir akan berupaya untuk menarik perhatian dunia bahawa tindakan

terhadap keganasan tidak harus mensasar dan menjadikan mana-mana agama sebagai mangsa," katanya dalam satu kenyataan.

Turut menyambut baik pertemuan itu sebelum ini ialah Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (Just), Dr Chandra Muzaffar yang menyifatkannya sejajar dengan tuntutan Islam yang mahukan umatnya sentiasa berdialog dan bertukar pandangan dengan penganut pelbagai kepercayaan.

Bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) itu berkata, ia juga menguatkan lagi hubungan antara penganut Islam dengan Katolik sama ada di negara ini atau peringkat antarabangsa.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) Ahmad Azam Abdul Rahman berpendapat pertemuan itu sebagai pengiktirafan terhadap suara Malaysia sebagai mewakili walaupun tidak semua negara Islam, tetapi suara yang dianggap penting oleh Pope.

Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan pertemuan antara Dr Mahathir dengan Pope, sebagai membuka lembaran baru sejarah persefahaman antara umat Islam dan Kristian sedunia, manakala Parti Rakyat Malaysia (PRM) menyatakan pertemuan itu akan membolehkan dialog di antara dua pemimpin yang harus dialu-alukan.

Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata Islam tidak menghalang umatnya mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan siapa saja tanpa mengira agama, budaya dan bangsa bagi memastikan keamanan dunia dan manusia dapat hidup dengan harmonis.

Katanya, al-Quran menjelaskan bagaimana Tuhan menjadikan manusia ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan puak bagi membolehkan mereka bermesra dan mencari jalan untuk memastikan keamanan dunia bagi membolehkan manusia hidup dalam suasana harmoni.

(END)